

Resorts World Genting Lancar Perkhidmatan Ulang-Alik EV DENZA D9 dalam Usaha Memperkukuh Kelestarian

Genting Highlands, 21 Mei 2026 – Resorts World Genting (RWG) terus memperkukuh komitmennya terhadap agenda kelestarian menerusi majlis penyerahan rasmi kenderaan elektrik (EV) DENZA D9 Premium, sekali gus memperkenalkan perkhidmatan ulang-alik MPV elektrik pertama di dalam resort tersebut.

Majlis penyerahan kenderaan elektrik (EV) yang berlangsung di Awana Village pagi semalam menghimpunkan wakil daripada RWG, DENZA Sime Motors dan BYD Sime Motors bagi meraikan kerjasama strategik ini.

DENZA D9 Premium yang diperkenalkan akan menyediakan perkhidmatan ulang-alik untuk tetamu yang bergerak antara Genting Grand dan Crockfords, sekali gus menawarkan pengalaman pengangkutan yang lebih selesa, premium dan mesra alam di dalam resort.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan RWG dalam mengurangkan pelepasan karbon serta menyokong penyelesaian mobiliti hijau, selaras dengan aspirasi kelestarian syarikat secara menyeluruh.

Dalam ucapannya semasa majlis tersebut, Spencer Lee, Naib Presiden Eksekutif Jualan, Pemasaran, dan Perhubungan Awam menekankan kepentingan penggunaan alternatif pengangkutan yang lebih mesra alam di dalam resort bersepadu itu.

“Pengenalan perkhidmatan ulang-alik EV DENZA D9 ini merupakan satu pencapaian penting dalam perjalanan kelestarian RWG. Seiring usaha kami meneroka pelbagai inisiatif hijau dalam operasi, kami turut berhasrat meningkatkan pengalaman tetamu dengan menyediakan pengangkutan yang bukan sahaja cekap dan mewah, tetapi juga lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar,” katanya.

Bea Kwang Tat, Ketua Bahagian Runcit, Denza Sime Motors berkata, “Kami berbesar hati sejour RWG memilih DENZA D9 sebagai kenderaan bagi perkhidmatan ulang-aliknya. Direka dengan penekanan terhadap keselesaan dan kemewahan yang sofistikated, kami percaya DENZA D9 mampu meningkatkan pengalaman keseluruhan tetamu selaras dengan penjenamaan dan kedudukan resort ini. Penyerahan ini juga menandakan permulaan kepada perjalanan jangka panjang kami dalam memperkukuh kehadiran di Malaysia serta terus menawarkan produk dan perkhidmatan berkualiti tinggi yang diyakini pelanggan.”

RWG merupakan resort bersepadu pertama dalam industri yang memperkenalkan DENZA D9 Premium sebagai sebahagian daripada operasi perkhidmatan pengangkutannya, sekali gus mengukuhkan komitmen terhadap inovasi serta amalan hospitaliti mampan.

DENZA D9 Premium elektrik sepenuhnya menyokong usaha kelestarian RWG dengan menawarkan pilihan pengangkutan yang lebih hijau dan mesra alam di dalam resort. Dilengkapi

teknologi Blade Battery daripada BYD, MPV mewah ini turut memberikan pengalaman perjalanan yang lebih senyap dan lancar kepada para tetamu.

Direka dengan mengutamakan keselesaan penumpang, DENZA D9 Premium dilengkapi susun atur tempat duduk tiga baris yang luas serta tempat duduk premium kulit NAPPA, di samping keselesaan ruang kabin penumpang yang dipertingkatkan, sekali gus menaikkan pengalaman perjalanan ulang-alik antara Hotel Genting Grand dan Hotel Crockfords ke tahap yang lebih eksklusif.

RWG terus komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif yang lebih hijau dan mesra alam di seluruh resort, dengan pengenalan perkhidmatan ulang-alik EV DENZA D9 menjadi satu langkah ke arah operasi yang lebih lestari. Selain usaha mobiliti hijau, RWG turut memperkenalkan pelbagai tarikan eko pelancongan dan berteraskan alam semula jadi seperti Euforia, sebuah taman bunga dan arca yang diinspirasikan daripada keindahan alam bagi memupuk penghargaan terhadap biodiversiti dan alam semula jadi, serta Genting Nature Adventures yang menggalakkan para pengunjung menerokai persekitaran hutan hujan di sekeliling melalui pengalaman luar yang lebih lestari dan imersif.

Untuk maklumat lanjut, sila layari rwgenting.com atau ikuti saluran media rasmi kami.

– Tamat –

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Ms. Michelle Wong

Head – Public Relations & Communication
Social Commerce and Public Communication
Genting Malaysia Berhad
Tel: (603) 6105 9608
Email: michelle.wong@rwgenting.com

Ms Mei Yeap Lee Mui

Assistant Manager
Public Relations & Media
Genting Malaysia
Berhad Tel: (603) 6105
9447
Email: mei.yeap@rwgenting.com

Mengenai Genting Malaysia

Genting Malaysia merupakan salah satu syarikat korporat percutian dan hospitaliti terkemuka di dunia. Tersenarai di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran kira-kira RM10 bilion, Genting Malaysia memiliki dan mengendalikan beberapa hartanah resort utama termasuk Resorts World Genting (RWG) di Malaysia; Resorts World New York City, Resorts World Catskills dan Resorts World Hudson Valley di Amerika Syarikat (AS); Resorts World Bimini di Bahamas; Resorts World Birmingham serta lebih daripada 30 kasino di United Kingdom (UK); dan Crockfords Cairo di Mesir. Genting Malaysia juga memiliki dan mengendalikan dua resort tepi pantai di Malaysia, iaitu Resorts World Kijal di Terengganu dan Resorts World Langkawi di Pulau Langkawi.

Terletak pada ketinggian 6,000 kaki dari paras laut, RWG merupakan resort bersepadu bertaraf premier di kawasan tanah tinggi Malaysia. Resort ini menawarkan pelbagai kemudahan riadah dan hiburan termasuk 10,500 bilik penginapan merentasi tujuh hotel berbeza, aktiviti perjudian, taman tema dan tarikan hiburan, premis makanan dan peruncitan, serta pertunjukan antarabangsa dan kemudahan konvensyen perniagaan. Terletak di kawasan lereng bukit, Resorts World Awana melengkapkan pengalaman premium ini dengan persekitaran hijau semula jadi, padang golf pergunungan, denai pendakian, serta kedudukan berhampiran dengan tarikan utama lain. Selain itu, Genting Highlands Premium Outlets (usahasama antara Genting Plantations Berhad dan Simon Property Group) turut melengkapkan kepelbagaian penawaran RWG, sekali gus mengukuhkan statusnya sebagai hab riadah dan hiburan terkemuka di rantau ini.

Genting Malaysia merupakan sebahagian daripada Kumpulan Genting, salah satu konglomerat multinasional paling terkemuka dan diurus dengan baik di Asia. Kumpulan Genting diterajui oleh Tan Sri

Lim Kok Thay, seorang usahawan berwawasan yang telah berjaya membangunkan jenama Resorts World sebagai peneraju dalam sektor percutian dan hospitaliti di Malaysia, Singapura, Amerika Syarikat, Bahamas dan United Kingdom. Tan Sri Lim Kok Thay turut mempunyai pelaburan signifikan dalam pelbagai industri lain di peringkat global termasuk perladangan kelapa sawit, pembangunan hartanah, penjanaan tenaga, minyak dan gas, pelayaran serta bioteknologi.